

**KAJIAN KE ATAS PENGEKALAN BANGUNAN
LAMA DAN BERSEJARAH MELALUI KERJA-KERJA BAIKPULIH**

OLEH

**MD. QAMARI BIN ALUAN
(93689151)**

November 1995

**Persediaan dibuat sebagai memenuhi
sebahagian daripada kehendak-kehendak
Diploma Lanjutan Ukur Bangunan
di Institut Teknologi Mara**

Tandatangan Pengarang : _____

**Tandatangan dan disahkan oleh : _____
En. Padzil bin Hassan
Penyelia Dissertasi**

PENGHARGAAN

Dalam menjayakan dissertasi ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan memberikan segala bentuk bimbingan dan maklumat. Mereka yang dimaksudkan ini adalah:-

1. Encik Padzil bin Hassan
Pensyarah Jabatan Ukur Bahan selaku penyelia
dissertasi ini.
2. Encik Haji Ezanee bin Hashim
Ketua Kursus Jabatan Ukur Bangunan.
3. Encik Zainudin bin Eshak
Bagi pihak Unit Pengekalan & Senibandar, Dewan
Bandaraya Kuala Lumpur.
4. Pn. Safna dan En. Khairuddin
Bagi pihak Jabatan Muzium Negara.
5. Cik Sapiah
Bagi pihak Jabatan Muzium Negeri Selangor.
6. En. Johar bin Kadis
Bagi pihak Muzium Sejarah Nasional

KANDUNGAN**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

Peghargaan	i
Isi kandungan	iii
Abstrak	xiv
Definasi Istilah	xv

BAB 1 - PENDAHULUAN

1.0. PENDAHULUAN	1
1.1. OBJEKTIF	4
1.2. SKOP KAJIAN	4
1.3. METODOLOGI	5
1.4. RUJUKAN	6
1.5. BATASAN DALAM KAJIAN	7

**BAB 2 - KEPENTINGAN BANGUNAN LAMA DAN BERSEJARAH
DAN POLISI PENGEKALANNYA**

2.0. LATAR BELAKANG BANGUNAN LAMA DAN BERSEJARAH	8
2.1. DEFINASI	9
2.2. BANGUNAN LAMA DAN BERSEJARAH DI KUALA LUMPUR - <i>m'sia</i>	11
2.3. KEPENTINGAN PENGEKALAN BANGUNAN LAMA DAN BERSEJARAH	14

ABSTRAK

Pengekalan adalah satu perkara baru di negara Malaysia. Oleh itu ia memerlukan satu pemerhatian dan kefahaman yang amat mendalam tentang kerja-kerja pengekalan ini.

Perkara ini penting untuk memastikan tahap pengekalan bangunan yang ditentukan dapat dicapai. Ia juga perlu untuk menjaga dan memelihara keaslian bangunan lama termasuk sejarah dan kepentingan budaya dengan mengambil kira kehendak semasa berasaskan faedah-faedah yang diperolehi dari pengekalan bangunan-bangunan lama ini.

Dissertasi ini mengkaji persoalan mengapa kerja-kerja baikpulih dalam pengekalan bangunan lama dan bersejarah ini penting dan masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan kerja-kerja baikpulih dalam pengekalan bangunan lama dan bersejarah ini.

Hasil dari kajian yang dilakukan, disertasi ini juga memberikan cadangan bagaimana masalah ini dapat di atasi dan pengekalan bangunan dapat dicapai melalui kerja-kerja baikpulih.

Definasi Istilah

Istilah-istilah berikut adalah yang akan digunakan dalam disertasi ini.

a. **Pengekalan (Conservation)**

Bermaksud semua proses penjagaan sesuatu tempat bagi tujuan mengekalkan corak dan **kepentingan kebudayaan**. Ini termasuklah satu atau kombinasi aktiviti-aktiviti penyelenggaraan, pemeliharaan, pemuliharaan, pembinaan semula dan pengubahsuaian.

b. **Penyelenggaraan (Maintenance)**

Bermaksud penjagaan secara berterusan terhadap fabrik sedia ada sesuatu tempat untuk mengurangkan poses ketuaan atau pereputan.

c. **Pemeliharaan (Preservation)**

Bermaksud penjagaan fabrik sedia ada sesuatu tempat untuk mengurangkan proses ketuaan atau pereputan.